
Bahagian A [20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1



Kawasan persebaran bahasa Austronesia yang diwakili oleh kawasan *P*, *Q*, *R*, dan *S* ialah

	P	*Q*	*R*	*S*
A	Formosa	Kepulauan Easter	New Zealand	Pulau Madagascar
B	Yunan	Kepulauan Marshall	Australia	Maldives
C	Formosa	Kepulauan Hawaii	Papua New Guinea	Mauritius
D	Yunan	Kepulauan Carolina	Irian Jaya	Kepulauan Andaman

2 Marlapas, niparwuat, sapuloh dua

Kata-kata bahasa Melayu kuno di atas bermaksud

A berlepas, dibuat, dua puluh

B melepas, diperbuat, dua belas

C berlepas, diperbuat, dua belas

D melepas, memperbuat, dua puluh

3 Yang manakah batu bersurat yang **tidak** menunjukkan pengaruh bahasa Arab?

A Batu bersurat di Minye Tujuh, Acheh

B Batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu

C Batu bersurat di Kedukan Bukit, Palembang

D Batu bersurat di Pagar Ruyung, Minangkabau

4 Yang manakah kumpulan huruf Jawi yang kesemuanya dicipta oleh pengguna bahasa Melayu sebagai tambahan kepada huruf yang dipinjam daripada bahasa Arab?

A ذ , ق , ج , ڽ , ث

B ڽ , ق , غ , ڬ , چ

C چ , ڽ , ت , ڈ , ف

D ڬ , ش , خ , ب , ن

5

Terdengarlah cerita musafir yang berjalan itu. Maka berjalanlah ia ke bandar Mengkaleh, direntasnya padang dan desa. Sampailah ia ke sungai Jengkala lalu berhentilah ia di situ.

Yang berikut ialah ciri bahasa Melayu klasik yang terdapat dalam petikan di atas, **kecuali**

A menggunakan kata pangkal ayat

B menggunakan ayat songsang

C menggunakan ayat tunggal

D menggunakan ayat pasif

6

Perihal tokoh *X*
• Tokoh bahasa yang tersohor di Pulau Penyengat • Golongan bangsawan Riau yang memainkan peranan untuk mengembangkan kebudayaan Melayu • Menghasilkan karya bahasa, sejarah, dan sastera, khususnya syair dan pantun

Yang manakah hasil karya *X* yang berkaitan dengan perkembangan bahasa Melayu?

A Jalan Basa Melayu

B Pelita Bahasa Melayu

C Ilmu Mengarang Melayu

D Kitab Pengetahuan Bahasa

8

	Bahasa sumber
I	Bahasa Jawa
II	Bahasa Arab
III	Bahasa Portugis
IV	Bahasa Belanda

	Contoh perkataan
P	Bola Bendera
Q	Kursus Duit
R	Ayu Matang
S	Awal Sabar

Yang manakah padanan yang betul antara bahasa sumber dengan contoh perkataannya?

	I	II	III	IV
A	*R*	*S*	*P*	*Q*
B	*Q*	*P*	*S*	*R*
C	*P*	*Q*	*R*	*S*
D	*S*	*R*	*Q*	*P*

9 Yang manakah padanan keterangan yang betul tentang artikulator dan titik artikulasi?

	Artikulator	*Titik artikulasi*
I	Alat pertuturan yang menyekat laluan udara	Merupakan ruang laluan udara
II	Alat pertuturan yang boleh digerakkan	Tempat berlakunya sekatan udara
III	Artikulator yang paling aktif ialah hujung lidah	Antara contohnya ialah gusi
IV	Berfungsi menentukan bunyi bersuara dan bunyi tak bersuara	Alat pertuturan yang statik

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

12 Yang manakah perkataan yang mengandungi konsonan sengauan lelangit lembut?

I Mengail

II Menggosok

III Menyembur

IV Membantah

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

13

- Dua bibir dirapatkan
- Udara keluar dari paru-paru melalui rongga hidung
- Pita suara bergetar

Yang manakah pasangan perkataan yang kedua-duanya mengandungi bunyi konsonan yang terhasil dengan cara di atas?

A Bulat, lebam

B Pesan, harap

C Wang, laman

D Masak, semak

14 Yang manakah kumpulan bunyi yang terhasil apabila bibir bawah menjadi artikulator?

A [p], [t], [v]

B [b], [f], [m]

C [m], [p], [s]

D [w], [n], [v]

15 Yang manakah padanan yang betul bagi contoh perkataan yang mengandungi rangkap vokal dan diftong?

	Rangkap vokal	*Diftong*
A	Lautan	Saudagar
B	Mulai	Biola
C	Gaung	Saing
D	Jengkaut	Saintifik

Bahagian B [30 *markah*]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Ungkapan 'jangan jaga tepi kain orang' tidak sepatutnya dijadikan alasan oleh rakyat Malaysia untuk tidak mengambil tahu atau merenggangkan hubungan dengan jiran. Ketua Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya berpendapat bahawa ungkapan itu perlu dilihat dari sudut yang sebaliknya bagi membantu negara dalam mengharmonikan masyarakat dan menyuburkan semangat kejiranan yang semakin merosot. Menurutnya lagi, selagi sifat ingin tahu itu tidak berlebih-lebihan hingga mencari keburukan dan keaiban seseorang, maka tidaklah salah untuk individu mengambil tahu hal orang lain, khususnya jiran.

Banyak faktor yang melunturkan semangat kejiranan masyarakat Malaysia. Reka bentuk rumah yang moden mendorong wujudnya sifat individualistik. Faktor ini telah menyukarkan masyarakat untuk mengamalkan tradisi hidup berjiran. Kondominium, pangsapuri, dan rumah pangsa telah menyebabkan pengasingan masyarakat, dan implikasinya mereka kurang bergaul dengan orang keliling. Isu ini bertambah rumit kerana sesetengah anggota masyarakat, terutamanya masyarakat di bandar besar menyatakan bahawa mereka mempunyai komitmen kerja yang tinggi dan kesuntukan masa untuk bergaul dengan jiran tetangga. Masa hujung minggu pula diluangkan untuk bersama-sama dengan keluarga. Oleh itu, tidaklah menghairankan kita sekiranya sesetengah anggota masyarakat tidak mengenali jiran mereka. Keadaan ini sebenarnya menyebabkan perkara buruk berlaku, seperti kecurian dan jenayah lain di kawasan kediaman. Yang jelas, *proses urbanisasi masyarakat* yang memerlukan mereka bersaing demi mengecapi taraf hidup yang lebih tinggi telah mempercepat kelunturan semangat kejiranan.

Tindakan sesetengah persatuan penduduk perumahan untuk mengeratkan hubungan sesama jiran perlu diberikan pujian. Walau bagaimanapun, usaha ini tidak akan mendatangkan hasil sekiranya penduduk bersikap '*seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing*'. Di sesetengah kawasan perumahan, ada dua kategori penduduk, iaitu pemilik dan penyewa. Kebiasaannya, pemilik rumah akan memberikan kerjasama terhadap aktiviti persatuan penduduk. Keengganan golongan penyewa, khususnya orang bujang untuk menyertai aktiviti penduduk setempatlah yang menyebabkan usaha untuk merapatkan hubungan sesama jiran tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Segelintir anggota masyarakat pula hanya berminat untuk mengetahui sesuatu perkembangan tetapi enggan melibatkan diri dalam penganjuran aktiviti persatuan. Kini, sudah tiba masanya persatuan penduduk kawasan perumahan dan sektor Rukun Tetangga serta jawatankuasa masjid atau surau digerakkan secara lebih aktif dan sistematik bagi memastikan semangat kejiranan di negara kita tidak luntur.

(Dipetik dan disesuaikan daripada *Utusan Malaysia*, 10 Mei 2012)

21 Berdasarkan petikan tersebut, jelaskan maksud frasa

(*a*) ...proses urbanisasi masyarakat... (baris 19 dan 20) [1]

(*b*) ...seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing... (baris 24 dan 25) [1]

22 Mengapakah penulis menyatakan bahawa semangat kejiranan semakin pudar dalam masyarakat kita? [6]

23 Apakah mesej penulis dalam petikan tersebut? [2]

24

> Kini, sudah tiba masanya persatuan penduduk kawasan perumahan dan sektor Rukun Tetangga serta jawatankuasa masjid atau surau digerakkan secara lebih aktif dan sistematik bagi memastikan semangat kejiranan di negara kita tidak luntur.
>
> (Baris 31-34)

Berikan ulasan anda tentang pendapat di atas dengan menjelaskan aktiviti yang boleh dilaksanakan secara aktif dan sistematik oleh semua pihak untuk memperkukuh semangat kejiranan dalam masyarakat kita. Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan.

[20]

Bahagian C [50 *markah*]

Tulis ***sebuah*** *karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.*

25 Batik merupakan hasil kraf tangan yang diwarisi sejak turun-temurun dan berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat antarabangsa. Pada pendapat anda, apakah langkah yang wajar untuk memajukan industri batik di negara ini?

26 Mata pelajaran Sejarah dikatakan mampu meningkatkan rasa cinta akan tanah air. Jelaskan kepentingan mengajarkan mata pelajaran Sejarah dalam kalangan pelajar di sekolah.

27 Kebelakangan ini, perkhidmatan rawatan kecantikan dan produk kecantikan mendapat sambutan yang menggalakkan, bukan sahaja dalam kalangan wanita malahan juga lelaki. Jelaskan faktor sambutan tersebut dan huraikan kesan negatif penggunaan perkhidmatan kecantikan dan produk kecantikan kepada pengguna.

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta